

Headline **PIBG sokong 1M1S**
Date **22 Apr 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **U30**
Article Size **109 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **436**
PRValue **1,308**



PIBG sokong 1M1S

JITRA – Persatuan Ibu bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pauh (SMKTP) bersetuju dengan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S) bagi menjayakan usaha untuk membentuk modal insan yang holistik.

Naib Yang Dipertuanya, Samsudin Oli Mohamed berkata, hasrat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu perlu disokong kerana bukan sahaja dapat melahirkan minda yang cergas dalam kalangan pelajar malah dapat mencungkil bakat yang ada dalam diri mereka.

“Sebagai contoh, pelajar di sekolah kategori luar bandar ini walaupun mereka digalakkan untuk menyertai sukan yang tersenarai namun pihak sekolah dan PIBG menggalakkan pelajarinya menyertai aktiviti berkuda dengan sokongan ibu bapa.

“Pihak sekolah dengan sokongan PIBG juga sedang berusaha untuk menjalinkan hubungan dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mengambil kesempatan bagi menggunakan kemudahan sukan yang terdapat di kampus itu seperti aktiviti berkuda, go-kart dan golf,” katanya.

Samsudin berkata, kesempatan yang diberikan oleh Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak untuk memasyarakatkan sukan golf kepada penduduk daerah ini harus diambil kesempatan sebaiknya.

“Saya melihat hasrat UUM untuk memasyarakatkan sukan yang terdapat di kampus berkenaan harus diambil kesempatan bukan sahaja dalam kalangan pelajar malah guru-guru di sekolah ini,” katanya.

Beliau berkata, melalui sukan ia bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi akademik, disiplin dan kokurikulum malah dapat mengeratkan lagi hubungan antara waris dan sekolah.